



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2094 0892

Rujukan Kami : KPKT(02) 799/6 Klt.8 (9)

Tarikh : 22 Januari 2009

PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2009

KURSUS LATIHAN ASAS KEBERSIHAN PENGENDALI DAN PENJAJA
MAKANAN DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang pelaksanaan Kursus Latihan Asas Kebersihan Pengendali Makanan Di Kawasan PBT.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, Kursus Latihan Asas Kebersihan Pengendali Dan Penjaja Makanan diwajibkan kepada semua pengendali dan penjaja makanan sebelum lesen premis perniagaan restoran, kedai makan atau penjaja dikeluarkan atau diperbaharui oleh PBT. Kad perakuan menghadiri kursus dikeluarkan kepada pengusaha dan pengendali premis makanan dan sah laku adalah untuk tempoh 3 tahun sahaja. Selepas tempoh ini, pemegang kad diwajibkan menghadiri semula kursus ulangan sebagai syarat memperbaharui lesen. Walau bagaimanapun, peraturan sedia ada telah dikaji semula selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan menggalakkan sistem '*self-regulation*'.

3. Sehubungan dengan itu, mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-61 (MNKT Ke-61) pada **2 Disember 2008** telah bersetuju supaya memansuhkan syarat Kursus Ulangan Latihan Asas Kebersihan Pengendali dan Penjaja Makanan bagi setiap tiga tahun untuk tujuan memperbaharui lesen perniagaan.

TINDAKAN OLEH PBT

4. Bagi melaksanakan keputusan MNKT Ke-61 ini, setiap PBT dikehendaki melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) memastikan semua pengusaha dan pengendali makanan, iaitu setiap orang yang bekerja dalam aktiviti penjualan dan penyediaan makanan **wajib** menghadiri Kursus Latihan Asas Kebersihan Pengendali Makanan dan Penjaja Makanan **sekali sahaja** sama ada bagi tujuan memohon lesen perniagaan, memperbaharui lesen perniagaan atau bekerja di premis makanan. Sijil dikeluarkan bagi mereka yang mengikuti kursus tersebut dengan jayanya;
- (ii) semua pengusaha dan pengendali makanan boleh menjalani Kursus Latihan Asas Kebersihan Pengendali dan Penjaja Makanan oleh tenaga pengajar yang diiktiraf oleh Akademi Latihan Kebersihan dan Keselamatan Makanan (ALKEM) di Sekolah-Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) di seluruh negara. Pada masa ini terdapat 93 buah SLPM yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di seluruh negara;
- (iii) para pengusaha dan pengendali makanan yang premis makanan mereka ditutup sementara kerana didapati kotor, perlu mengikuti kursus ulangan tersebut sebelum premis mereka dibenarkan beroperasi semula; dan
- (iv) mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pengusaha dan pengendali makanan menjaga kebersihan premis makanan mereka.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, maka surat arahan pentadbiran dengan rujukan **KPKT(02)697/3 Klt.3(1)** bertarikh 10 Jun 1997 adalah terbatal.

PERTANYAAN

6. Sebarang pertanyaan dan penjelasan lanjut berhubung pekeling ini boleh dikemukakan kepada:

**Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 4, Blok K
Pusat Bandar Damansara
50782 Kuala Lumpur
(u.p.: Bahagian Kesihatan Persekitaran)
No. Telefon : 03-20947033 / 20874552
No. Fax : 03-20955180 / 20937320**

PENUTUP

7. Pemakaian peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua PBN dan PBT.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' AHMAD BIN HJ. KABIT)
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

22 Januari 2009

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan